



29 SEP, 2024

40 MESIN IMBAS DILENGKAPI AI

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2



JABATAN Kastam Diraja Malaysia membuat penempatan sebanyak 40 unit mesin pengimbas bagasi baharu berteknologi tinggi yang dilengkapi dengan Artificial Intelligence (AI) bagi memperkasakan tahap keselamatan kawalan pintu masuk dan keluar sempadan negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1.

KEKANG PENYELUDUPAN DI PINTU MASUK

40 MESIN IMBAS DILENGKAPI AI

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Sepang

Kegiatan sindiket penyeludupan dadah dan wang tunai mampu dikekang apabila Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menempatkan 40 unit mesin pengimbas bagasi dilengkapi dengan kecerdasan buatan (AI) di pintu masuk utama seluruh negara,

Ia membabitkan kos RM40.72 juta bagi memantapkan tahap keselamatan kawalan dan operasi JKDM.

Ketua Pengarah Kastam Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, mesin pengimbas berkenaan membantu JKDM dari

segi pengecaman serta proses analisis imej, sekali gus dapat menganalisis corak penyeludupan barang terlarang terutamanya narkotik dengan lebih efisien.

“Sebanyak 40 unit mesin pengimbas dipasang di seluruh negara sejak Mei dan Jun lalu. Mesin itu memberikan ketepatan data dan pengecaman dilaksanakan dengan cepat dan tepat.

“Ini membantu JKDM mengurangkan ketirisan dan meningkatkan hasil,” katanya selepas majlis perasmian mesin pengimbas oleh Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan di sini, kelmarin.

Anis Rizana berkata, sejak

mesin pengimbas baharu itu beroperasi, JKDM berjaya mengesan beberapa kes berdasarkan hasil analisis imej imbasan.

Beliau berkata, Pusat Mel dan Kurier (PMK) Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berjaya mengesan lapan kes narkotik daripada jenis ganja dan bliss cannabis bernilai RM577,625.20.

“JKDM turut mengesan cubaan membawa masuk wang tunai RM65,160.00 dan dadah jenis heroin seberat 5.252 kilogram bernilai RM492,375.00 melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, Perlis dalam kes yang berasingan pada Jun dan Ogos lalu,” katanya.



29 SEP, 2024

40 MESIN IMBAS DILENGKAPI AI

Metro Ahad, Malaysia



SUMMARIES

JABATAN Kastam Diraja Malaysia membuat penempatan sebanyak 40 unit mesin pengimbas bagasi baharu berteknologi tinggi yang dilengkapi dengan Artificial Intelligence (AI) bagi memperkasakan tahap keselamatan kawalan pintu masuk dan keluar sempadan negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1.